



**KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED
CLASSROOM TERHADAP PENCAPAIAN,
MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR
DALAM MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN SENI VISUAL
TINGKATAN 4**



MOHD IZYAFIFI BIN MOHD JAYA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



**KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM TERHADAP
PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM MATA
PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 4**

MOHD IZYAFIFI BIN MOHD JAYA

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁴...(hari bulan)..**JULAI**..... (bulan) 20..²⁰....

i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHD IZYAFIFI BIN MOHD JAYA, M20152001707, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM TERHADAP PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 4

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. NORAINI BINTI MOHAMED NOH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM TERHADAP PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 4

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL) _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN PENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM TERHADAP
PENCAPAIAN, MINAT DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM MATA
PELAJARAN PENDIDIKAN SENI VISUAL TINGKATAN 4

No. Matrik / Matric No.: M20152001707

Saya / I: MOHD IZYAFIFI BIN MOHD JAYA

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin serta limpahan kurniaNya, maka dapatlah saya menyelesaikan penyelidikan ini. Juga selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat.

Jutaan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Noraini Binti Mohamed Noh selaku penyelaras penyelidikan dan selaku pensyarah penyelia yang lembut sabarnya memberikan tunjuk ajar, cadangan, komen serta pelbagai idea bernas sepanjang penyelidikan ini berlangsung demi memastikan kejayaan dalam keberhasilan. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa beliau.

Terima kasih semestinya, kepada kedua ibu bapa saya dan ibu bapa mertua, Allahyarham Mohd Jaya B. Abd Rani, Zaleha Binti Osman, Allahyarhamah Junaida Binti Mohd Tahir (Al-Fatihah buat ayah dan bondaku), Siti Noyah @ Noriah Bt Ahmad dan Zakaria B. Bulin yang menjadi tunjang kekuatan saya selama ini.

Terima kasih kepada isteri tercinta dunia akhirat Norhafizah Binti Zakaria yang sentiasa menemani serta tidak pernah jemu memberi semangat kepada saya untuk berjaya. Kepada anak-anak kesayangan Muhammad Izz Mirza, Izz Zara Aisyah dan Izz Raisha Safiya yang sanggup berkorban masa. Tidak lupa juga buat seluruh ahli keluarga tercinta.

Ucapan terima kasih seterusnya diucapkan kepada responden-responden kajian yang keseluruhannya terdiri daripada semua pelajar, guru-guru dan setiap warga SMK Pekan dan SMK Tengku Abdullah. Turut serta, kepada pengetua dan penolong kanan sekolah tersebut kerana membenarkan saya menjalankan kajian ini di sekolah berkenaan.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun secara tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini, diucapkan terima kasih.

Jasa kalian, hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Didoakan semoga dalam rahmatNya dan dilindungi selalu. Selamat maju jaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Sekian, wassalam.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pendekatan *Flipped Classroom* (FC) terhadap pencapaian, minat dan tahap motivasi pelajar. Kajian juga turut menilai hubungan antara tahap interaksi sosial dengan pencapaian pelajar serta hubungan antara efikasi sendiri dengan pencapaian pelajar. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan di dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan bertujuan melibatkan 60 orang pelajar tingkatan empat aliran sastera yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) di dua buah sekolah dalam daerah Pekan. Sampel kajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 30 orang pelajar kumpulan rawatan dan 30 orang pelajar kumpulan kawalan. Tiga jenis instrumen kajian digunakan iaitu instrumen ujian pencapaian, soal selidik minat dan motivasi serta tatacara pembelajaran PSV berasaskan pendekatan FC. Analisis inferensi secara ujian-t sampel tidak bersandar, ujian t sampel bersandar dan ujian korelasi Pearson digunakan dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan bahawa perbezaan terhadap pencapaian akademik secara signifikan pada aras keyakinan 0.05 dengan min pencapaian akademik kumpulan rawatan ($m=59.80$) lebih tinggi dibandingkan dengan kumpulan kawalan ($m=36.07$), minat pelajar dalam kumpulan rawatan meningkat daripada sebelum ($m=3.31$) kepada selepas rawatan ($m=4.19$) dan tahap motivasi pelajar dalam kumpulan rawatan juga meningkat daripada sebelum ($m=3.58$) kepada selepas rawatan ($m=4.61$). Analisis korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan lemah ($r=0.3$) dan signifikan ($p<.05$) antara tahap interaksi sosial dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan. Melalui analisis korelasi Pearson juga menunjukkan hubungan lemah ($r=0.3$) dan tidak signifikan ($p>.05$) antara tahap efikasi sendiri dengan pencapaian pelajar kumpulan rawatan. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan bahawa pendekatan FC telah meningkatkan pencapaian, minat dan tahap motivasi pelajar dalam mata pelajaran PSV. Seterusnya, secara tidak langsung memberi kesan positif dalam memperkasa elemen pembelajaran abad ke-21 terutama elemen kolaboratif dan komunikasi, disamping meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) para pelajar. Melalui kajian ini juga terhasilnya tatacara pembelajaran PSV berasaskan pendekatan FC.

THE EFFECTIVENESS OF THE FLIPPED CLASSROOM APPROACH TOWARDS STUDENT'S ACHIEVEMENT, INTEREST AND MOTIVATION IN THE FORM 4 VISUAL ART SUBJECT.

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the effectiveness of the flipped Classroom (FC) approach towards student's achievement, interest and motivation. The study also assessed the relationship between levels of social interaction and student achievement and the relationship between self-efficacy and student achievement. Quantitative approaches with quasi-experimental design were used for this study. A number of 60 form four Visual Art Education students from the two schools in Pekan district were chosen using purposive sampling methods as studied subjects. The subjects were divided into 30 students for the treatment and control groups equally. Three types of research instruments are used, which are a set of achievement test instruments, interest and motivation questionnaires and PSV learning procedures based on FC approach. Inference analysis involves an Independent Samples t-test, a Paired sample t-test and Pearson correlation tests were used in this study. The findings showed significant difference towards academic achievement on confidence level of 0.05 with the average of treatment group's academic achievement ($m=59.80$) is higher than the control group ($m=36.07$), student interest in the treatment group increased from before ($m=3.31$) to after treatment ($m=4.19$) and student motivation levels in the treatment group also increased from before ($m=3.58$) to after treatment ($m=4.61$). Pearson's correlation analysis revealed a weak relationship ($r=0.3$) and significant ($p<.05$) between social interaction level with student achievement of the treatment group. Pearson's correlation analysis also showed a weak relationship ($r=0.3$) and not significant ($p>.05$) between self-efficacy level and student achievement of treatment group. In conclusion, FC approach has improved student achievement, interest, and motivation. Furthermore, it indirectly has a positive effect on strengthening 21st century learning elements, especially collaborative and communicative elements as well as enhancing students' higher order thinking skills (HOTS). This study also produced PSV learning procedure based on FC approach.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Persoalan Kajian	13
1.7 Hipotesis Kajian	14
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9 Kepentingan Kajian	21
1.10 Batasan Kajian	23
1.11 Definisi Operasional	25
1.11.1 Pendekatan <i>Flipped Classroom</i>	25
1.11.2 Pendekatan Pembelajaran Tradisional	26



1.11.3 Pencapaian Pelajar	27
1.11.4 Minat Pelajar	28
1.11.5 Motivasi Pelajar	28
1.11.6 Pendidikan Seni Visual (PSV)	29
1.12 Kesimpulan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	33
2.2 Perbincangan Teori	34
2.2.1 Teori konstruktivisme sosial	34
2.2.2 Rumusan Perbincangan Teori	36
2.3 Model Pendekatan FC	38
2.4 Pendekatan FC Meningkatkan Pencapaian Pelajar	43
2.5 Pendekatan FC Meningkatkan Minat Pelajar	48
2.6 Pendekatan FC Meningkatkan Motivasi Pelajar	52
2.7 Pembelajaran Campuran (Blended Learning)	56
2.8 Kelas Masa Hadapan (Future Classroom)	59
2.9 Pembelajaran Aktif	64
2.10 Kesimpulan	69

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	70
3.2 Reka Bentuk Kajian	71
3.3 Persampelan	74
3.3.1 Populasi Kajian	75
3.3.2 Sampel kajian	76
3.4 Instrumen Kajian	78
3.4.1 Ujian Pencapaian	79

3.4.2	Instrumen Tatacara Pembelajaran PSV Berasaskan Pendekatan FC	82
3.4.3	Instrumen soal selidik	83
3.5	Kesahan Instrumen	86
3.5.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	86
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	88
3.7	Kajian Rintis	89
3.8	Prosedur Kajian	90
3.8.1	Peringkat Ujian Pra	91
3.8.2	Peringkat Instrumen Soal Selidik (Fasa 1)	93
3.8.3	Peringkat Pelaksanaan Pendekatan FC	94
3.8.4	Peringkat Ujian Pasca	96
3.8.5	Peringkat Instrumen Soal Selidik (Fasa 2)	97
3.8.6	Peringkat Analisis Data	97
3.9	Prosedur Pelaksanaan Pendekatan FC	98
3.9.1	Prosedur Pelaksanaan Sebelum PdPc	98
3.9.2	Prosedur Pelaksanaan Semasa PdPc	100
3.9.3	Prosedur Pelaksanaan Selepas PdPc	103
3.10	Prosedur Penganalisisan Data	104
3.10.1	Analisis Deskriptif	104
3.10.2	Analisis Inferensi	105
3.11	Kesimpulan	108

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	110
4.2	Maklumat Demografi	111
4.2.1	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jantina	111

4.2.2	Latar Belakang Responden Berdasarkan Taburan Etnik	112
4.2.3	Latar belakang Responden Berdasarkan Jarak Rumah ke Sekolah	114
4.2.4	Latar Belakang Responden Berdasarkan Kemudahan Akses Internet di Rumah	115
4.2.5	Latar Belakang Responden Berdasarkan Jenis Peranti untuk Akses Internet	116
4.2.6	Latar Belakang Responden Berdasarkan Pengalaman Melayari Internet	118
4.3	Hasil Dapatan Kajian	120
4.3.1	Adakah Kaedah Pembelajaran Menggunakan Pendekatan FC dalam PdPc Mempunyai Perbezaan yang Signifikan Terhadap Pencapaian Pelajar Berbanding Pendekatan Tradisional?	120
4.3.2	Adakah Kaedah Pembelajaran Menggunakan Pendekatan FC boleh Menyebabkan Peningkatan Minat Pelajar dalam PdPc?	121
4.3.3	Adakah Kaedah Pembelajaran Menggunakan Pendekatan FC boleh Menyebabkan Peningkatan Tahap Motivasi Pelajar dalam PdPc?	126
4.3.4	Adakah Wujud Hubungan yang Signifikan antara Efikasi Kendiri Pelajar dengan Pencapaian Akademik Pelajar?	131
4.3.5	Adakah Wujud Hubungan yang Signifikan antara Interaksi Sosial Pelajar dengan Pencapaian Akademik Pelajar?	133
4.4	Kesimpulan	136

BAB 5 PERBINCANGAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	138
5.2	Perbincangan dan Penemuan Kajian	139

5.2.1	Adakah Kaedah Pembelajaran Menggunakan Pendekatan FC dalam PdPc Mempunyai Perbezaan yang Signifikan Terhadap Pencapaian Pelajar Berbanding Pendekatan Tradisional?	
5.2.2	Adakah Kaedah Pembelajaran Menggunakan Pendekatan FC boleh Menyebabkan Peningkatan Minat Pelajar dalam PdPc?	144
5.2.3	Adakah Kaedah Pembelajaran Menggunakan Pendekatan FC boleh Menyebabkan Peningkatan Tahap Motivasi Pelajar dalam PdPc?	150
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	154
5.3.1	Memperkasa Kemahiran Komunikasi dan Kolaboratif	154
5.3.2	Meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	157
5.3.3	Keberkesanan Tatacara Pelaksanaan Pendekatan FC dalam Subjek PSV	160
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	164
5.5	Rumusan	166
	RUJUKAN	170
	LAMPIRAN	176

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Kumpulan Rawatan dan Kawalan	73
3.2 Bilangan Populasi Kajian	76
3.3 Bilangan Sampel Kajian	77
3.4 Pembahagian Peserta Kajian Mengikut Sekolah	77
3.5 Aras Taksonomi Bloom 1956	80
3.6 Jadual Penentu Ujian Pendidikan Seni Visual Tingkatan 4	81
3.7 Senarai Guru Bahasa Melayu yang Menilai Kesahan Muka	87
3.8 Senarai panel Pakar yang Menilai Kesahan Kandungan	88
3.9 Perancangan Sebelum PdPc	99
3.10 Perancangan Semasa PdPc	101
3.11 Perancangan Selepas PdPc	103
3.12 Jenis Kaedah Analisis Data Berpanduan Persoalan Kajian	107
4.1 Jadual Taburan Responden Berdasarkan Jantina	112
4.2 Jadual Taburan Responden Berdasarkan Etnik	113
4.3 Jadual Taburan Jarak Rumah Responden ke Sekolah	114
4.4 Jadual Taburan Kemudahan Akses Internet di Rumah Responden	115
4.5 Jadual Taburan Jenis Peranti yang digunakan untuk Akses Internet	117
4.6 Jadual Taburan Pengalaman Menggunakan Internet Mengikut Bilangan Tahun	118
4.7 Perbezaan Pencapaian Pasca Mengikut Faktor Pendekatan Pembelajaran	121
4.8 Analisa Penilaian Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Sebelum rawatan	122





4.9	Analisa Penilaian Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Selepas Rawatan	124
4.10	Analisa Perbezaan Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Sebelum dengan Selepas Rawatan	125
4.11	Analisa Penilaian Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Sebelum Rawatan	127
4.12	Analisa Penilaian Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Selepas Rawatan	128
4.13	Analisa Perbezaan Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Sebelum dengan Selepas Rawatan	130
4.14	Analisa Penilaian Efikasi Kendiri Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Sebelum Rawatan	131
4.15	Analisa Penilaian Efikasi Kendiri Pelajar Terhadap Pembelajaran PSV Selepas Rawatan	132
4.16	Analisa Hubungan Efikasi Kendiri Pelajar dengan Pencapaian dalam subjek PSV	133
4.17	Analisa Penilaian Interaksi Sosial Pelajar dalam Pembelajaran PSV Sebelum Rawatan	134
4.18	Analisa Penilaian Interaksi Sosial Pelajar dalam Pembelajaran PSV Selepas Rawatan	135
4.19	Analisa Hubungan Interaksi Sosial Pelajar dengan Pencapaian dalam subjek PSV	136



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	15
2.1	Model Pendekatan FC oleh Karanicolas, Snelling, Kemp & The University of Adelaide Flipped Learning Community of Practice (2018)	39
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian	91
3.2	Carta Alir Prosedur Kerja peringkat ujian Pra	93
3.3	Carta Alir Prosedur Kerja Peringkat Ujian Pasca	96
4.1	Peratusan Taburan Responden Berdasarkan Jantina	112
4.2	Peratusan Taburan Responden Berdasarkan Etnik	113
4.3	Peratusan Taburan Jarak dari Rumah Responden ke Sekolah	115
4.4	Peratusan Kemudahan Akses Internet di Rumah	116
4.5	Peratusan Jenis Peranti yang digunakan untuk Akses Internet	117
4.6	Peratusan Pengalaman Menggunakan Internet Mengikut Tahun	119



**SENARAI SINGKATAN**

BL	Blended Learning
ESS	Environmental System and Societies
FC	Flipped Classsroom
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JPU	Jadual Penentu Ujian
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras tinggi
KH	Kemahiran Hidup
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MMI	Melindungi Masa Instruksional
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PEKA	Pentaksiran Kerja Amali
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PSV	Pendidikan Seni Visual
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Satistical Package For The Social Science
SV	Seni Visual





SENARAI LAMPIRAN

- A Rancangan Mengajar Sebelum, Semasa dan Selepas
- B Instrumen Soal Selidik
- C Ujian Pencapaian Pra
- D Ujian Pencapaian Pasca.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia yang bergerak selari dengan gaya pembelajaran abad ke-21 telah memacu pendekatan pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) yang lebih berpusatkan pelajar.

Pembelajaran abad ke-21 lebih menekankan pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar dan tidak tertumpu hanya di sekolah sahaja. Pelbagai pendekatan pembelajaran diaplikasi oleh para guru bagi memastikan kaedah pengajaran mereka lebih kreatif dan berinovasi selain bertepatan dengan kehendak sistem pendidikan kini. Salah satu pendekatan yang dimaksudkan pengkaji ialah pendekatan *flipped classroom* (FC).

Menurut Garza (2014), pendekatan FC bermaksud satu pendekatan pengajaran yang menyosangkan formula mengajar dan pemberian latihan pengukuhan tradisional. Maksudnya, melalui pendekatan FC kaedah pembelajaran tradisional disongsangkan ataupun diterbalikkan. Sebagai contoh dalam pendekatan tradisional, kerja rumah

diberi selepas tamat kelas mereka namun berbeza dengan pendekatan FC, di mana kerja rumah diberi terlebih dahulu sebelum kelas bermula.

Istilah songsang atau pun terbalik merujuk kepada pendekatan pembelajaran. Berdasarkan pernyataan Garza (2014), dapat dirumuskan bahawa untuk mengaplikasi pendekatan FC ini, guru perlu mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan kaedah pembelajaran tersebut. Salah satu persediaan yang perlu dilaksanakan oleh guru ialah persediaan dari segi bahan mengajar. Bahan mengajar yang ingin disediakan sebelum PdPc perlu bersesuaian dan disaring terlebih dahulu supaya tidak mengandungi unsur-unsur sensitif.

Menurut Roehl, Reddy, dan Shannon (2013), pendekatan FC memberi ruang kepada pelajar mengaplikasi teknologi di luar bilik darjah dan tidak terhad di dalam kelas sahaja. Melalui aplikasi model ini, saiz sesuatu kelas dapat dibesarkan dengan semaksima mungkin. Hal ini kerana, model pengajaran berteraskan pendekatan FC ini menyebabkan penglibatan pelajar tidak terhad di dalam kelas sahaja.

Sebagai contoh sebelum sesuatu PdPc dilaksanakan pelajar perlu mendapatkan bahan pengajaran untuk kelas tersebut sebelum kelas bermula iaitu melalui muat turun video tutorial dan video eksperimen. Seterusnya, pelajar yang terlibat menggunakan bahan-bahan tersebut untuk meningkatkan pengetahuan sedia ada mereka. Secara tidak langsung para pelajar akan melibatkan diri secara aktif melalui perbincangan di luar bilik darjah. Tranformasi model pengajaran ini amat sesuai dengan peredaran zaman.

Pendekatan FC telah menjadi sebutan ramai terutama dalam berberapa tahun kebelakangan ini, hal ini dibuktikan dengan terbitnya pelbagai artikel yang berkaitan dengan pendekatan FC di dada-dada akhbar dunia seperti *The New York Times*, *The Chronicle of Higher Education* dan pelbagai lagi. Menurut Brame (2014), pendekatan



FC dihuraikan sebagai satu model yang membangunkan pengetahuan sedia ada pelajar oleh pelajar itu sendiri melalui perbincangan dan penerokaan material baru yang berlaku di luar bilik darjah.

Kebiasaanya pendekatan ini diaplikasi melalui video tutorial yang mana program tersebut dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah, berbincang dalam kumpulan, membahaskan sesuatu perkara dan dapat bersimulasi. Hal ini bermaksud melalui pendekatan FC, kemahiran berfikir aras rendah para pelajar seperti kemahiran kognitif dan kemahiran efektif telah dibentuk dan dicapai di luar kelas. Di dalam kelas, para pelajar lebih berfokus kepada kemahiran-kemahiran aras tinggi seperti kemahiran aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Menurut Rosenberg (2013), pendekatan FC merupakan satu strategi instruksional dan juga merupakan salah satu jenis pembelajaran yang pelbagai. pendekatan FC telah menukarkan pembelajaran secara tradisional kepada satu bentuk pembelajaran yang terancang dan tersusun dengan menerima isi pembelajaran di luar bilik darjah, selalunya secara atas talian. Berdasarkan pandangan tersebut jelas bahawa sesuatu sesi pembelajaran yang mengaplikasi pendekatan FC dapat menjadikan kaedah pengajaran seseorang guru tersebut menjadi lebih kreatif dan inovatif.

Menurut Bergmann dan Sams (2012), pendekatan FC merupakan satu pendekatan instruksional yang inovatif. Hal ini kerana, beliau berpendapat melalui pendekatan FC pelajar menguasai dan melengkapkan pengetahuan sedia ada mereka sebelum ke kelas dengan cara pembelajaran atas talian. Seterusnya pelajar tersebut dapat memberi sumbangan dan melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai aktiviti pembelajaran seperti perbincangan dan bimbingan kerana telah memiliki pengetahuan sedia ada yang baik.



Pandangan tersebut mengukuhkan lagi kenyataan bahawa pendekatan FC yang di aplikasi guru adalah seiring dengan pembelajaran abad ke-21. Pengetahuan sedia ada pelajar menjadi lebih berkualiti dan lebih bermakna. Sebagai contoh setiap topik yang dimuat naik guru secara atas talian akan dianalisis terlebih dahulu oleh pelajar seterusnya wujud ruang untuk para pelajar berbincang sesama mereka di luar bilik darjah.

Menurut Green (2011), dalam pendekatan FC, waktu kelas distruktur dengan aktiviti-aktiviti pelajar yang dapat membangunkan isi pelajaran dengan lebih mendalam dan lebih memberi ruang kepada pelajar untuk memahaminya. Menurut Tucker (2012), salah satu ciri-ciri pendekatan FC adalah kaedahnya terbalik daripada kaedah pembelajaran tradisional yang biasa.

Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan di peringkat SPM. Mata pelajaran PSV juga merupakan mata pelajaran yang bukan sahaja ditawarkan kepada para pelajar di peringkat sekolah menengah malah bermula dari sekolah rendah lagi. Di peringkat sekolah menengah, mata pelajaran PSV ditawarkan bermula dari tingkatan 1 sehingga tingkatan 5.

Bermula tahun 2017, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah digantikan secara berperingkat dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sebagai permulaan KSSM telah mula diterapkan kepada para pelajar tingkatan 1 tahun 2017 seterusnya sehingga menjadi pelajar tingkatan 5 pada tahun 2021. Para guru PSV tingkatan 1 dan 2 akan menggunakan dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan dan panduan pengajaran.

Walau bagaimanapun dalam konteks kajian ini, sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran PSV untuk tingkatan 4 dan tingkatan 5 masih kekal berlandaskan KBSM. Berdasarkan Sukatan Pelajaran PSV yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2002), penilaian yang diterapkan dalam PSV bukan tertumpu kepada aspek pengujian dan pengukuran sahaja malah melibatkan penilaian secara menyeluruh yang melibatkan aspek kognitif, efektif dan psikomotor pelajar.

Mata pelajaran PSV merupakan mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah dan di peringkat sekolah menengah atas, mata pelajaran PSV merupakan mata pelajaran elektif yang ditawarkan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Berpanduan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (2002), mata pelajaran PSV merupakan mata pelajaran elektif di peringkat SPM yang mengandungi dua bidang utama iaitu bidang penghasilan seni visual dan bidang sejarah dan apresiasi seni.

Secara umumnya, di peringkat SPM, mata pelajaran PSV mempunyai 3 kertas peperiksaan. Kertas 1 merupakan kertas soalan yang mempunyai 50 soalan aneka pilihan, kertas 2 merupakan kertas melukis dan kertas 3 merupakan kerja kursus. Setiap pelajar wajib hadir menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga kertas tersebut untuk memastikan mereka mendapat keputusan SPM yang sepatutnya.

Dalam konteks kajian ini pengkaji hanya fokus kepada pembelajaran yang melibatkan kertas 1 sahaja. Hal ini kerana berdasarkan pemerhatian pengkaji, para pelajar kurang berminat dalam mengikuti sesi PdPc untuk kertas 1 dan pencapaian mereka untuk kertas tersebut berada di tahap yang tidak cemerlang. Selain itu juga masa pembelajaran yang diperuntukkan untuk kertas 1 ini tidak mencukupi kerana masa yang diperuntukkan sering digunakan untuk pembelajaran kertas 2.



Dunia pendidikan kini yang bergerak seiring dengan Revolusi Industri 4.0 telah membuka peluang dan ruang terhadap para guru untuk mempelbagaikan pendekatan dan strategi pengajaran mereka ke arah yang lebih berkualiti. Penggunaan pelbagai alat dan bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi perlu dalam menarik minat pelajar untuk terus belajar sesuatu yang bermanfaat dalam kehidupan mereka. Hal ini penting bagi seorang guru melengkapkan nilai kemenjadian pelajar serta mampu membentuk modal insan yang berdaya saing selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Kesannya, sistem pendidikan kini akan berkembang seiring dalam menyediakan industri dengan tenaga kerja mahir seterusnya dapat menyokong kemajuan industri ini.

Justeru, pendekatan pembelajaran yang berlandaskan pembelajaran abad ke-21 merupakan satu pendekatan pembelajaran yang amat sesuai diaplikasi dalam kalangan guru dan pelajar. Hal ini kerana matlamat untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing seiring dengan Revolusi Industri 4.0 dapat direalisasikan.

Secara asasnya perkaitan ini diperjelaskan secara mendalam melalui model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21. Menurut Rohani, Hazri, dan Mohammad (2017), model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 mementingkan tiga aspek penting iaitu motivasi pelajar, bilik darjah demokratik dan pembelajaran koperatif.

Selain itu juga suasana dan persekitaran pembelajaran juga mempengaruhi pencapaian pelajar. Persekitaran pembelajaran kini perlulah selaras dengan keperluan kemahiran belajar abad ke-21. Menurut Roehl, Reddy, dan Shannon (2013), untuk menerapkan kemahiran belajar abad ke-21 dalam kalangan pelajar, persekitaran pembelajaran yang hanya berpusatkan guru perlu ditukar kepada persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar





Selain itu juga menurut Badrul dan Nasruddin (2016), beberapa komponen pembelajaran abad ke-21 seperti kemahiran pemikiran praktikal, kemahiran komunikasi, refleksi, kemahiran kolaborasi, pentaksiran, penyelesaian masalah, teknologi, kreativiti, dan kemahiran inovasi perlu di integrasikan dalam pendekatan pembelajaran guru dan pelajar bagi memastikan keberhasilan pelajar dapat dicapai.

Sehubungan itu, pendekatan FC merupakan salah satu pendekatan pembelajaran yang keseluruhannya memenuhi ciri-ciri pendekatan pembelajaran abad ke-21. Menurut Yang (2017), terdapat beberapa kesan positif pendekatan FC terhadap pelajar yang selari dengan kehendak dan keperluan pembelajaran abad ke-21 antaranya adalah pendekatan FC dapat merubah pelajar yang pasif kepada pelajar yang aktif, meningkatkan penguasaan teknologi maklumat dalam kalangan pelajar. meningkatkan kemahiran komunikasi dan kolaborasi.



Berbeza dengan pendekatan pembelajaran tradisional yang mana pendekatan tersebut tidak lagi sesuai dalam menarik minat pelajar untuk belajar dan seterusnya mempengaruhi pencapaian mereka. Nur Syaza, Shamsudin, dan Azhar (2017), menjelaskan bahawa pelajar akan berasa bosan dan sukar untuk menguasai isi pelajaran kerana pendekatan pembelajaran yang diterapkan guru masih berbentuk tradisional.

Dalam konteks kajian ini, semua guru yang terlibat dalam mengaplikasi pendekatan FC merupakan seorang guru yang terlatih. Hal ini kerana, semua guru terlibat merupakan guru yang mempunyai kemahiran iktisas yang sesuai mengikut opsyen mengajar masing-masing. Faktor kesediaan guru juga merupakan faktor penting bagi memastikan pendekatan FC ini diaplikasi sepenuhnya semasa sesi PdPc berlangsung. Selain itu, satu pendekatan pembelajaran baru yang lebih efektif berbanding pendekatan tradisional perlu bagi memenuhi permintaan para pelajar masa kini. Hal ini kerana para pelajar masa kini terdiri daripada pelajar-pelajar generasi Z.



Menurut Schawbel (2015), generasi Z terdiri daripada individu yang lahir bermula antara tahun 1994 sehingga tahun 2000. Berdasarkan pandangan Rothman (2016), pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar seperti aktiviti kolaboratif yang berasaskan teknologi dan permainan interaktif amat sesuai dengan kehendak generasi Z kini berbanding pendekatan pembelajaran yang berpusatkan guru dan disampaikan secara kuliah.

Keseluruhannya, dalam konteks kajian ini, pendekatan pembelajaran yang sesuai perlu diaplikasi dalam kalangan guru bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing dan bagi memenuhi permintaan dan keperluan semasa, sama ada datangnya daripada permintaan bidang industri 4.0 mahupun kehendak para pelajar generasi Z kini.

Selain itu juga pendekatan pembelajaran yang mengintegrasikan pelbagai kemahiran belajar abad ke-21 perlu diterapkan dalam persekitaran pembelajaran masa kini dan salah satu langkahnya mungkin melalui pelaksanaan pendekatan FC.

1.3 Permasalahan Kajian

Seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara kini yang berteraskan pembelajaran abad ke-21, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM). Tujuan PPPM 2013-2025 ini dirangka adalah untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi cabaran pendidikan abad ke 21.



Namun begitu, berdasarkan analisis pencapaian pelajar dalam mata pelajaran PSV SPM di peringkat daerah Pekan, keputusannya masih berada di tahap yang baik sahaja. Berdasarkan pencapaian SPM untuk tempoh 5 tahun sebelum ini, kebanyakan keputusan GPMP PSV bagi setiap sekolah di dalam daerah Pekan tidak berada di tahap yang cemerlang.

Sebagai contoh GPMP SMK Pekan dan SMK Tengku Abdullah dalam mata pelajaran PSV SPM tahun 2017 masih tidak melepasi 2.90. Hal ini menunjukkan bahawa wujud permasalahan berkaitan pencapaian pelajar terutama dalam mata pelajaran PSV di peringkat SPM.

Selain itu juga, berdasarkan analisis peperiksaan SPM 2017 peringkat daerah Pekan, didapati pelajar tidak menjawab dengan baik terutama untuk kertas 1 PSV yang meliputi 50 soalan aneka pilihan. Kebanyakan pelajar masih tidak menguasai setiap isi pelajaran yang berkaitan teori dan konsep-konsep asas yang terkandung dalam topik Pendidikan Seni Visual terutama untuk topik kraf tradisional seperti kraf ukiran dan kraf tembikar. Permasalahan wujud apabila pelajar tidak memiliki pengetahuan sedia ada yang mencukupi semasa sesuatu sesi PdPc berlangsung.

Selain itu juga masalah wujud dalam kalangan pelajar, apabila mereka mengalami kesukaran menjawab kertas 1 PSV. Hal ini kerana mereka lebih memperuntukkan masa pembelajaran mereka untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti amali di dalam kertas 2 dan kertas 3 sahaja.

Maksudnya, setiap masa yang diperuntukkan untuk sesi pembelajaran kertas 2 dan kertas 3 tidak mencukupi sehingga para pelajar sukar untuk menguasai setiap isi pelajaran yang berkaitan teori dan konsep-konsep asas yang kebiasaannya diuji di dalam kertas 1 PSV.





Namun demikian, berdasarkan pemerhatian pengkaji jumlah pelajar tingkatan 4 di beberapa buah sekolah dalam daerah Pekan yang mengambil mata pelajaran PSV ini masih rendah bilangannya. Sebagai contoh, daripada 16 buah sekolah dalam daerah Pekan hanya beberapa buah sekolah menengah sahaja yang menawarkan subjek PSV ini lebih daripada 2 buah kelas.

Pengkaji berpendapat bahawa antara punca wujudnya situasi tersebut adalah kerana kurangnya minat dan motivasi pelajar terhadap mata pelajaran PSV. Pelajar menganggap mata pelajaran PSV sebagai satu mata pelajaran sukar untuk dikuasai dan tidak menarik. Minat dan motivasi pelajar terjejas akibat kaedah pembelajaran yang diaplikasi guru subjek masih bersifat tradisional dan membosankan.

Selain itu juga pengkaji mendapati alat dan bahan bantu mengajar yang digunakan guru mata pelajaran tersebut tidak menarik dan tidak mengikut perkembangan semasa. Hal ini seterusnya tidak dapat menarik minat pelajar untuk belajar sehingga mereka mula berasa bosan.

Justeru, mungkin dengan menggunakan pendekatan pembelajaran yang sesuai dan menarik seperti pendekatan FC dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dapat memberi kesan yang positif terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar. Hal ini berdasarkan pandangan para pengkaji sebelum ini yang bersetuju bahawa pendekatan FC berkemungkinan dapat memberi kesan positif terhadap pencapaian, minat dan motivasi pelajar.

Pendekatan FC telah banyak membantu pedagogi guru dalam merencana pelbagai aktiviti seterusnya memberi kesan positif terhadap pencapaian pelajar (Cronhjort, Filipsson, dan Weurlander, 2018; Webb dan Doman, 2016; Teoh dan Wan, 2014; Marlowe, 2012; Deslauriers, Schelew, dan Wieman, 2011).



Para pelajar melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti di dalam dan di luar kelas sepanjang pelaksanaan pendekatan FC sehingga dapat menarik minat mereka untuk belajar (Yang, 2017; Rivera, 2016; Grenfell, 2015; Gaughan, 2014; Johnson, 2013). Pelaksanaan pendekatan FC yang menggunakan pelbagai alat dan bahan bantu mengajar memberi kesan positif terhadap tahap motivasi pelajar untuk terus belajar (Nouri, 2016; Moore dan Chung, 2015; Mason, Shuman, dan Cook, 2013).

1.4 Tujuan Kajian

Seiring dengan gaya pembelajaran abad ke-21 yang mementingkan pendekatan pembelajaran yang bersifat aktif dan berpusatkan pelajar maka amatlah penting kajian ini dilaksanakan.

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan pendekatan FC dalam PdPc terhadap pencapaian pelajar berbanding pendekatan tradisional.

Melalui kajian ini pengkaji akan membandingkan kedua-dua pendekatan tersebut. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, pendekatan FC merupakan satu pendekatan yang berbeza dengan pendekatan tradisional dari segi kaedah pelaksanaannya. Hal ini secara tidak langsung berkemungkinan memberi kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar.

Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah kesan pendekatan FC dalam PdPc terhadap minat pelajar. Melalui kajian ini pengkaji akan membandingkan minat pelajar sebelum dengan selepas pendekatan FC diaplikasi di dalam PdPc.

Perbandingan tersebut hanya melibatkan kumpulan pelajar yang berada dalam kumpulan rawatan sahaja. Hal ini kerana pengkaji hanya ingin mengenalpasti kesan pendekatan FC terhadap minat pelajar yang mengaplikasikannya sahaja. Selain itu, melalui kajian ini juga pengkaji dapat mengenal pasti kesan-kesan positif lain yang selari dengan kesan terhadap peningkatan minat pelajar dalam setiap sesi PdPc,

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sejauh manakah kesan pendekatan FC dalam PdPc terhadap motivasi pelajar. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, pelbagai kesan positif yang selari dengan peningkatan tahap motivasi pelajar seperti kesan terhadap kaedah mengajar guru, kaedah melindungi masa instruksional dan strategi pembelajaran yang diterapkan di dalam setiap sesi PdPc.

Sehubungan dengan itu, pendekatan FC berkemungkinan memberi impak yang positif terhadap setiap faktor tersebut dan seterusnya secara tidak langsung mampu meningkatkan motivasi pelajar untuk lebih cemerlang dalam menguasai isi pelajaran.

Selain itu juga kajian ini bertujuan untuk membantu para guru dalam mempelbagaikan strategi dan pendekatan pembelajaran mereka terutama bagi para guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Melalui kajian ini dapat membantu guru mengenal pasti pendekatan pembelajaran yang sesuai untuk diaplikasi di dalam kelas

Kesimpulannya terdapat tiga tujuan utama kajian ini dilaksanakan iaitu untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan FC terhadap pencapaian pelajar berbanding pendekatan tradisional, kedua mengenal pasti keberkesanan pendekatan FC terhadap minat pelajar dan yang ketiga adalah untuk mengenal pasti keberkesanan FC terhadap motivasi pelajar dalam PdPc.

1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah membina lima objektif kajian iaitu pengkaji dapat:

1. Menenal pasti keberkesanan pendekatan FC dalam PdPc terhadap pencapaian pelajar dibandingkan dengan pendekatan tradisional.
2. Menenal pasti keberkesanan pendekatan FC dalam PdPc terhadap minat pelajar.
3. Menenal pasti keberkesanan pendekatan FC dalam PdPc terhadap motivasi pelajar.
4. Menenal pasti hubungan antara interaksi sosial dengan pencapaian akademik pelajar.
5. Menenal pasti hubungan antara efikasi sendiri dengan pencapaian akademik pelajar.

1.6 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa persoalan kajian yang wujud. Persoalan-persoalan kajian yang timbul tersebut penting dalam membantu kelancaran sesuatu prosedur kajian. Antara persoalannya adalah:

1. Adakah kaedah pembelajaran menggunakan pendekatan FC dalam PdPc mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar berbanding pendekatan tradisional?

2. Adakah kaedah pembelajaran menggunakan pendekatan FC boleh menyebabkan peningkatan minat pelajar dalam PdPc?
3. Adakah kaedah pembelajaran menggunakan pendekatan FC boleh menyebabkan peningkatan tahap motivasi pelajar dalam PdPc?
4. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara interaksi sosial dengan pencapaian akademik pelajar?
5. Adakah wujud hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan pencapaian pelajar?

Hipotesis Nul digunakan dalam kajian ini, bertujuan untuk menghubungkan segala persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Hipotesis Nul boleh diterima dan ditolak bergantung kepada hasil dapatan kajian.

Ho1: Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian pelajar yang mengaplikasi pendekatan FC berbanding pelajar yang mengaplikasi pendekatan tradisional dalam PdPc.


Ho2: Terdapat peningkatan minat bagi pelajar yang mengaplikasi pendekatan FC dalam PdPc.

Ho3: Terdapat peningkatan tahap motivasi bagi pelajar yang mengaplikasi pendekatan FC dalam PdPc.

Ho4: Terdapat hubungan yang signifikan antara interaksi sosial dengan pencapaian akademik pelajar

Ho5: Terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri pelajar dengan pencapaian pelajar

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Berdasarkan rajah 1.1 yang menerangkan secara keseluruhan berkaitan kerangka konseptual kajian, terdapat dua pendekatan pembelajaran yang terlibat bagi setiap PdPc PSV sepanjang kajian dilaksanakan iaitu pendekatan tradisional dan pendekatan konvesional.

Pendekatan tradisional yang kekal diaplikasi oleh para guru PSV dalam kumpulan kawalan. Pendekatan tradisional yang dimaksudkan adalah di mana setiap guru dan para pelajar masih mengekalkan pendekatan pembelajaran sedia ada tanpa berlaku proses penambahbaikan.

Pendekatan FC diaplikasi di dalam kaedah pembelajaran kumpulan rawatan. Pendekatan FC yang diaplikasi oleh setiap guru dan para pelajar di dalam kumpulan rawatan meliputi tiga fasa iaitu sebelum PdPc, semasa PdPc dan selepas PdPc berlangsung. Setiap fasa tersebut semestinya melibatkan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang berlangsung di luar dan di dalam kelas.

Pelaksanaan pendekatan FC dalam konteks kajian adalah berbeza dengan pendekatan konvesional di mana di dalam pendekatan konvesional, segala aktiviti seperti perbincangan, latihan tubi, kuiz dan pelbagai lagi dilaksanakan selepas PdPc berlangsung, sama ada secara atas talian mahupun secara realiti

Berdasarkan Mok (2014), Pendekatan FC merupakan satu pendekatan pembelajaran yang berbeza dengan pendekatan tradisional. Di dalam pendekatan pembelajaran secara tradisional perbincangan dan aktiviti-aktiviti interaktif dilaksanakan selepas sesuatu PdPc untuk tajuk tersebut selesai. Hal ini bermaksud, pendekatan FC lebih menjurus kepada perbincangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti interaktif yang dilaksanakan sebelum kelas bermula.





Dalam konteks kajian ini, pendekatan FC dilaksanakan secara tiga peringkat iaitu sebelum kelas bermula, semasa kelas, dan selepas kelas berlangsung. Sebelum kelas bermula, guru dan pelajar yang terlibat akan berbincang secara atas talian berkaitan tajuk yang akan dipelajari melalui perkongsian video yang menggunakan aplikasi Frog VLE, Google Classroom dan whatsapp sebagai pelantar perkongsian.

Bahan pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada video sahaja malah lebih luas merangkumi kuiz, latih tubi dan permainan yang berasaskan pembelajaran. Segala permasalahan yang timbul akan dicatat sebagai bahan perbincangan di dalam kelas. Perbincangan di dalam fasa ini lebih tertumpu kepada perkongsian-perkongsian berkaitan teori dan definisi konsep tajuk yang ingin dipelajari.

Fasa semasa PdPc berlangsung lebih tertumpu kepada aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Berbeza dengan pendekatan tradisional, setiap isi pelajaran yang akan dipelajari semasa PdPc perlulah dibincangkan terlebih dahulu secara aktif sebelum kelas bermula.

Semasa PdPc berlangsung tumpuan lebih menjurus kepada aktiviti-aktiviti berkumpul terutama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti amali. Aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif yang melibatkan penyertaan menyeluruh para pelajar serta perbincangan dalam kumpulan seperti *Gallery Walk*, *Jigsaw*, *Think Pair Share* dan pelbagai lagi akan diaplikasi oleh para guru dalam menjayakan fasa ini.

Fasa berikutnya adalah fasa selepas PdPc berlangsung. Fasa ini mementingkan aktiviti-aktiviti pengukuhan yang dijalankan di luar waktu kelas seperti menjawab soalan latih tubi secara atas talian, menyediakan folio dan laporan secara atas talian dan perkongsian dapatan daripada hasil pembelajaran yang dilaksanakan sebelumnya secara atas talian.





Berdasarkan kerangka konsep kajian, keberkesanan pendekatan FC ini dilihat dari tiga aspek berbeza iaitu melalui pencapaian pelajar, minat dan motivasi pelajar. Pencapaian pelajar merupakan satu indikator penting dalam melihat sejauh mana keberkesanan pendekatan FC. Kesan-kesan seperti peningkatan pencapaian, minat dan motivasi pelajar berkemungkinan merupakan antara kesan-kesan penting dalam mempengaruhi perubahan potensi pelajar kepada yang lebih positif.

Secara dasarnya pelaksanaan pendekatan FC dalam konteks kajian ini adalah berlandaskan teori konstruktivisme sosial yang diketengahkan oleh Vygotsky. Selain itu juga, pendekatan FC yang digunakan dalam kajian ini turut seiring dengan konsep zon perkembangan Vygotsky (1978).

Menurut Vygotsky (1978), konsep perkembangan zon seseorang pelajar dipengaruhi oleh dua zon perkembangan yang berbeza iaitu zon perkembangan sebenar dengan zon perkembangan proksimal dan apabila kedua-dua zon tersebut disepadukan maka terbentuk zon yang dikenali sebagai zon perkembangan potensi.

Jelas bahawa berdasarkan teori ini, tahap perkembangan potensi pelajar akan berada di tahap terbaik apabila setiap pelajar menyelesaikan permasalahan yang dikenalpasti secara berkolaborasi dan berkumpulan.

Hal ini selari dengan pendekatan FC yang digunakan dalam kajian ini, di mana setiap pelajar diberi ruang dan peluang untuk belajar sama ada secara sendiri dan secara kumpulan sebelum kelas berlangsung melalui pembelajaran atas talian.

Pencapaian pelajar menjadi kayu pengukur dalam melihat keberkesanan pendekatan FC yang dilaksanakan. Pencapaian pelajar dilihat dari segi tahap intelektual pelajar dalam menjawab setiap soalan yang diberikan berdasarkan tajuk-tajuk yang telah dipelajari secara pendekatan FC.





Melalui pendekatan FC para pelajar mungkin akan terdedah dengan persekitaran pembelajaran yang lebih luas dan tidak terhad hanya di dalam kelas sahaja. Para pelajar juga berkemungkinan berpeluang untuk dapat berinteraksi dengan elemen budaya serta persekitarannya dalam mengukuhkan tahap intelektual mereka sebelum kelas bermula.

Sebagai contoh, dalam konteks kajian ini, para pelajar akan diberi peluang dan ruang untuk mendalami setiap isi pelajaran yang bakal dipelajari secara lebih meluas di rumah atau pun di mana-mana sahaja sama ada secara atas talian serta perbincangan dalam kumpulan.

Berlandaskan teori konstruksivisme sosial, secara signifikkannya perkembangan intelektual para pelajar disumbangkan melalui interaksi para pelajar dengan budaya sekeliling, dan agen-agen masyarakat seperti ibu-bapa serta rakan sebaya. Pendekatan FC yang memberi keutamaan kepada para pelajar untuk melaksanakan perbincangan di luar kelas dengan berinteraksi bersama rakan sebaya, guru, dan ibu bapa disamping mengadaptasi budaya dalam persekitaran mereka.

Berdasarkan kerangka konseptual kajian, pengkaji menjelaskan bahawa terdapat dua aspek penting yang berkemungkinan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian pelajar. Kesan interaksi sosial dan efikasi sendiri dalam kalangan pelajar berkemungkinan mempengaruhi pencapaian pelajar.

Hal ini adalah berdasarkan perincian teori konstruktivisme sosial Vygotsky (1978). Berdasarkan teori tersebut faktor kejayaan seseorang pelajar disumbangkan melalui usaha sendiri pelajar tersebut dan dibantu oleh agen-agen luaran seperti agen masyarakat keliling, rakan-rakan dan ibu bapa. Selain daripada meningkatkan tahap interaksi sosial pelajar, hal ini juga dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah yang sukar diselesaikan secara sendiri.



Selain itu juga, keberkesanan pendekatan FC juga turut dilihat berdasarkan perubahan motivasi pelajar. Pendekatan FC merupakan satu pendekatan yang menggalakkan para pelajar untuk menguasai isi pelajaran secara sendiri di luar waktu PdPc.

Berkemungkinan melalui pendekatan FC yang diaplikasi para pelajar lebih cenderung berbincang bersama-sama rakan sebaya serta guru secara atas talian dalam membincangkan setiap konsep-konsep penting yang terkandung dalam isi pelajaran.

Hal ini berlaku sebelum para pelajar masuk ke kelas dan seterusnya semasa di dalam kelas, setiap pelajar dapat bersama-sama pelajar yang lain untuk belajar dengan lebih mendalam berdasarkan pengetahuan sedia ada yang kukuh terbina.

Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan pendekatan FC berkemungkinan memberi kesan positif terhadap tahap motivasi pelajar. Berdasarkan kerangka konseptual kajian, pelaksanaan pendekatan FC mungkin dapat membantu pelajar menguruskan diri sendiri.

Selari dengan teori konstruktivisme sosial, motivasi pelajar akan meningkat apabila seseorang pelajar tersebut mengaplikasi pengalaman sedia ada mereka dalam menyelesaikan masalah yang lebih mencabar.

Seterusnya berdasarkan kerangka konsep kajian ini juga, pelajar membina pengalaman dan pengetahuan sedia ada sebelum mengikuti pembelajaran di dalam kelas melalui pendekatan FC seterusnya, berkemungkinan meningkatkan motivasi diri pelajar dalam menyelesaikan permasalahan pembelajaran yang wujud semasa proses PdPc berlangsung.



Pendekatan FC berkemungkinan memberi impak positif terhadap minat pelajar. Hal ini berkemungkinan kerana peningkatan pengetahuan sedia ada pelajar semasa PdPc berlangsung telah merangsang para pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Hal ini berkait rapat dengan konsep proses *Top-down* yang diperkenalkan oleh Vygotsky (1978).

Melalui pendekatan FC para pelajar menguasai sebahagian isi pelajaran dan beberapa konsep penting sebelum masuk ke kelas. Berdasarkan situasi tersebut berkemungkinan besar melalui pendekatan FC yang diaplikasi memberi kesan terhadap minat pelajar. Hal ini kerana berkemungkinan minat pelajar akan lebih meningkat kerana mereka akan melibatkan diri sepenuhnya dalam melaksanakan setiap aktiviti yang dilaksanakan.

Berberapa-beberapa konsep yang terkandung dalam pelaksanaan pendekatan FC mempunyai beberapa perkaitan yang selari dengan teori konstruktivisme sosial. Sebagaimana yang dinyatakan dalam teori konstruktivisme sosial, Vygotsky (1978) berpandangan bahawa tanggungjawab belajar lebih berfokus kepada pelajar.

Dalam konteks kajian ini, berkemungkinan melalui pendekatan FC penglibatan pelajar di dalam kelas menjadi lebih aktif seterusnya berkemungkinan mampu meningkatkan minat para pelajar.

1.9 Kepentingan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian mengenai keberkesanan pendekatan FC ini perlu dilaksanakan. Hal ini kerana melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti pelbagai kesan positif yang dapat menyumbang dan membantu dalam memantapkan lagi kaedah mengajar guru.





Perkara utama adalah melalui pendekatan FC ini pengkaji dapat mengenal pasti dan membanding beza pendekatan FC dengan pendekatan tradisional. Implikasi daripada kajian ini penting kerana berkemungkinan dengan hasil kajian tersebut dapat mempelbagaikan kaedah mengajar guru seterusnya membantu mereka keluar daripada kepompong pendekatan tradisional.

Seterusnya kajian ini penting dilaksanakan kerana melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti sejauh manakah pendekatan FC dapat memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Terdapat beberapa kesan yang dikenal pasti dan dibincangkan pengkaji berdasarkan kajian lepas yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Salah satu kesan tersebut adalah kesan terhadap kaedah mengajar guru. Kaedah mengajar yang masih berpusatkan guru dan disampaikan secara kuliah sahaja tidak lagi menyumbang kepada peningkatan pencapaian pelajar.



Justeru kajian ini amat diperlukan kerana pendekatan FC merupakan salah satu pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dengan bahan bantu mengajar. Semestinya kajian ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti sejauh manakah keberkasanan pendekatan FC terhadap pencapaian pelajar.

Selain itu, kaedah mengajar guru yang membosankan juga menyebabkan pelajar kurang berminat untuk belajar. Pelbagai kesan wujud akibat kurangnya aktiviti-aktiviti menarik yang berpusatkan pelajar dilaksanakan di dalam kelas. Antaranya, pelajar menjadi bosan dan kurang berminat untuk terus belajar.

Berbeza dengan pendekatan FC, berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibincangkan dalam permasalahan sebelum ini, pendekatan FC lebih berfokus kepada aktiviti-aktiviti yang banyak berpusatkan pelajar seperti perbincangan dalam kumpulan.



Hal ini secara tidak langsung berkemungkinan menggalakkan para pelajar untuk melibatkan diri dalam setiap penyampaian isi pelajaran kerana pelajar telah bersedia sebelum kelas bermula. Justeru kajian ini penting bagi pengkaji untuk mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan pendekatan FC dalam PdPc terhadap minat pelajar.

Masa instruksional yang dilindungi sepenuhnya berkemungkinan dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar. Hal ini mungkin berlaku sekiranya pelajar yang tidak hadir ke sekolah diberi ruang dan peluang untuk terus mengikuti isi pelajaran yang disampaikan guru.

Melalui pendekatan FC berkemungkinan masa instruksional pelajar dapat dilindungi kerana pendekatan ini boleh dilaksanakan sebelum kelas bermula serta boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana jua sama ada secara maya mahupun nyata.

Justeru, amatlah penting kajian ini dilaksanakan kerana melalui kajian ini pengkaji dapat mengenal pasti sejauh manakah keberkesanan pendekatan FC dalam PdPc terhadap motivasi pelajar. Perubahan tahap motivasi pelajar ke arah yang lebih positif dalam mengikuti sesi PdPc PSV berkemungkinan dapat meningkatkan jumlah keberadaan dan penglibatan murid di dalam kelas.

1.10 Batasan Kajian

Secara jelasnya kajian ini hanya melibatkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tingkatan 4 sahaja. Kajian hanya memfokuskan kepada aspek pendekatan pembelajaran sahaja iaitu berkaitan kaedah mengajar guru di dalam kelas.

Berdasarkan kajian yang akan dilaksanakan, hanya dua pendekatan pembelajaran sahaja yang dilihat perbandingannya iaitu pendekatan tradisional dan pendekatan FC.

Dalam konteks kajian ini, keberkesanan sesuatu pendekatan tersebut hanya dilihat daripada tiga aspek utama sahaja iaitu pencapaian, minat dan motivasi pelajar sahaja. Subjek Pendidikan Seni Visual tingkatan 4 secara keseluruhannya mempunyai tiga kertas perperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia iaitu kertas 1, kertas 2 dan kertas 3.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, ujian pencapaian yang akan ditadbir hanya melibatkan kertas 1 sahaja. Kertas 1 dalam subjek Pendidikan Seni Visual hanya melibatkan 50 item aneka pilihan. Secara jelasnya kertas 1 merupakan kertas teori, kertas 2 merupakan kertas amali dan kertas 3 diperuntukkan untuk kerja kursus. Kajian hanya tertumpu kepada pendekatan pembelajaran untuk kertas 1 sahaja iaitu kertas teori.

Sepanjang kajian ini, hanya dua topik pembelajaran sahaja yang dipilih pengkaji. Topik pembelajaran yang ditetapkan pengkaji adalah berdasarkan topik pembelajaran yang terkandung di dalam sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual tingkatan 4.

Dua topik yang terlibat adalah topik untuk tajuk seni kraf tradisional ukiran kayu dan seni kraf tradisional tembikar sahaja. Sesi pembelajaran adalah mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan kajian ini hanya melibatkan lapan kali pertemuan sahaja bagi setiap sesi PdPc iaitu dalam tempoh sebulan.

Kajian ini hanya melibatkan para pelajar tingkatan 4 yang terdiri daripada pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual sahaja. Hanya dua



buah sekolah menengah di dalam daerah Pekan, Pahang sahaja yang terlibat. Selain itu juga, Kajian ini akan melibatkan semua guru subjek Pendidikan Seni Visual tingkatan 4 di kedua-dua buah sekolah. Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual juga akan terlibat secara tidak langsung dalam membantu pengkaji mengesahkan isi kandungan dan setiap item ujian pencapaian.

Para pentadbir dan staf sekolah tidak akan terlibat secara langsung dan sepenuhnya dalam kajian yang akan dilakukan ini walaupun kajian ini berhubung kait dengan pencapaian akademik sekolah. Walau bagaimanapun secara umumnya peranan dan kerjasama mereka amatlah penting dalam memastikan kajian yang akan dilaksanakan ini berjalan lancar.

Kesimpulannya dalam konteks kajian ini, pengkaji menghadkan kepada perbandingan dua jenis pendekatan pembelajaran sahaja iaitu pendekatan secara tradisional dan pendekatan FC. Keberkesanan pendekatan FC hanya dilihat daripada 3 aspek sahaja iaitu dari segi pencapaian pelajar berbanding pendekatan tradisional dan perubahan minat serta motivasi pelajar sebelum dan selepas mengikuti pembelajaran berasaskan pendekatan FC.

1.11 Definisi Operasional

1.11.1 Pendekatan *Flipped Classroom* (FC)

Di dalam pendekatan FC kerja rumah dan kerja sekolah diterbalikkan (Saban, 2013). Pelajar akan memperuntukkan masa di rumah dengan mengulangkaji menggunakan kelas interaktif, membaca artikel-artikel dan meneroka bahan manakala masa kelas digunakan untuk pelajar dan guru menyelesaikan latihan bersama-sama (Saban, 2013).



FC merupakan pendekatan di mana setiap pengetahuan yang diperolehi pelajar secara praktikal menerusi aktiviti di dalam kelas telah pun dikaji oleh mereka terlebih dahulu sebelum kelas (Azlina, Baharuddin, Rosli, & Norasykin, 2014). Maksudnya, persediaan pelajar di dalam kelas di pertingkatkan melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran sebelum kelas bermula.

Pendekatan FC bermaksud teknik pengajaran yang tidak melibatkan pendekatan tradisional atau tidak banyak bergantung kepadanya dan menggantikannya dengan pendekatan interaktif yang bereksperimen dengan teknologi dan menghendaki pelajar untuk mengumpulkan maklumat di luar kelas dan bersedia melibatkan bahan di dalam kelas (Neshyba, 2013).

Dalam konteks kajian ini, pendekatan FC merupakan satu pendekatan pembelajaran yang berbeza dengan pendekatan tradisional. Melalui pendekatan FC pelajar menguasai sebahagian isi pelajaran sebelum kelas bermula iaitu melalui perbincangan sama ada antara pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan guru. Kebiasaannya perbincangan tersebut meliputi isi pelajaran yang bakal dipelajari serta yang dikongsikan secara atas talian sama ada melalui guru mahupun para pelajar itu sendiri.

1.11.2 Pendekatan Pembelajaran Tradisional

Dalam pendekatan pembelajaran tradisional pengajar hanya berperanan untuk menyalurkan sebanyak mana boleh pengetahuan kepada pelajar sahaja (Tinzmann et al. 1990). Menurut Stofflett (1999), melalui pendekatan pembelajaran tradisional pelajar dijangka secara membata tuli menerima maklumat yang diberikan pengajar tanpa sebarang pertanyaan.



Menurut Khalid dan Azeem (2012), Pendekatan tradisional merupakan satu pendekatan pembelajaran yang hanya melibatkan guru sahaja dalam menyampaikan isi pelajaran tanpa melibatkan pelajar. Selain itu juga mereka berpendapat bahawa melalui pendekatan tradisional pelajar hanya mengetahui pengetahuan yang telah ditetapkan oleh guru sahaja dan setiap arahan guru hanya bersifat sehalu sahaja.

Dalam konteks kajian ini, pendekatan pembelajaran tradisional merupakan pendekatan asal yang digunakan guru selain daripada pendekatan FC. Pendekatan secara tradisional juga merupakan pendekatan pembelajaran yang dibandingkan keberkesanannya dengan pendekatan pembelajaran secara FC.

1.11.3 Pencapaian Pelajar



Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan pencapaian sebagai sesuatu yang telah berjaya dilaksanakan dengan usaha dan ketekunan. Pencapaian pelajar bermaksud pelajar memperoleh pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan menyediakan mereka untuk menjalani kehidupan yang bahagia dan berjaya ("Our Working Definition of Student Achievement and School Quality," 2016).

Menurut Stronge et al. (2008, dalam Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, & Foo, 2015), pencapaian akademik pelajar merupakan dapatan utama untuk melihat sejauh mana keberkesanan sekolah, pentadbir dan guru dalam memainkan peranan masing-masing.

Dalam konteks kajian ini pencapaian pelajar membawa makna hasil yang diperoleh para pelajar selepas menduduki satu ujian pencapaian dan merupakan satu pemboleh ubah bersandar.



1.11.4 Minat Pelajar

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan minat sebagai keinginan iaitu kesukaan dan kecenderungan kepada sesuatu. Menurut Harackiewicz, Smith, & Priniski (2016), Minat pelajar merupakan satu proses motivasi yang meningkatkan semangat pelajar untuk belajar, panduan dalam proses pembelajaran, membantu dalam menentukan kerjaya pelajar dan merupakan faktor penting untuk pelajar berjaya dalam bidang akademik. Selain itu juga mereka berpendapat bahawa minat merupakan salah satu faktor psikologi yang menarik perhatian pelajar ke arah objek atau topik tertentu.

Setiap pelajar mempunyai minat yang berbeza-beza dan guru perlu bijak memilih teknik, pendekatan pembelajaran dan juga menggunakan alat serta bahan bantu mengajar yang sesuai supaya dapat menarik minat mereka dalam setiap sesi PdPc (Zaliza & Zaitul, 2014).

Dalam konteks kajian ini, minat bermaksud kecenderungan dan keinginan pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam setiap sesi PdPc yang dilaksana guru berdasarkan pendekatan pembelajaran yang digunakan. Aspek minat dalam kajian ini juga merupakan satu pemboleh ubah bersandar yang mempengaruhi keberkesanan pendekatan FC keseluruhannya.

1.11.5 Motivasi Pelajar

Menurut Rasidah (2007), motivasi terbahagi kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi ekstrinsik merupakan faktor-faktor luaran yang mendorong para pelajar untuk terus belajar seperti pemberian hadiah, insentif, puji-



pujian dan pelbagai lagi manakala motivasi intrinsik lebih kepada dorongan dalaman individu yang berkaitan kriteria dalaman untuk kejayaan (Rasidah, 2007).

Motivasi wujud dalam dua keadaan sama ada dalaman atau luaran dan keadaan tersebut mempengaruhi setiap individu sehingga terdorong untuk bertindak dalam mendapatkan apa yang dikehendakinya (Uk Raai, Alias, dan Mohd Hasril, 2014).

Dalam konteks kajian ini motivasi pelajar dilihat dari dua aspek iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik dalam konteks kajian ini lebih tertumpu kepada dorongan dalam diri pelajar itu sendiri untuk belajar bersungguh-sungguh dalam menguasai setiap isi pelajaran yang disampaikan.

Motivasi ekstrinsik pula adalah melibatkan dorongan yang berpunca daripada faktor luaran seperti ganjaran, rangsangan serta galakkan daripada kawan-kawan dan ibu-bapa mereka dalam memastikan mereka berjaya. Kedua-dua faktor tersebut merupakan salah satu pemboleh ubah bersandar dalam menentukan keberkesanan pendekatan FC.

1.11.6 Pendidikan Seni Visual (PSV)

Menurut Feldman (1996) Pendidikan Seni merupakan usaha yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran membuat dan memahami seni, disamping mengetahui tentang dunia dan diri kita sendiri melalui seni. Seni yang dimaksudkan di sini adalah meliputi apa jua cabang seni visual seperti catan, arca, seni bina, reka bentuk industri, garafik komputer, serta apa jua yang berkaitan dengan seni, baik yang berupa seni tampak tradisional mahupun seni moden.



Pendidikan Seni merupakan salah satu mata pelajaran yang dapat membangkitkan nilai kreativiti para pelajar dan merupakan mata pelajaran penting di sekolah (Chua, Sharifah, Naim, & Wan, 2003). Pendidikan Seni Visual disifatkan sebagai mata pelajaran yang menjadi asas kepada mata pelajaran lain kerana disiplin ilmu yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merentas kurikulum (Sharulnizam, Syed Alwi, & Sabzali, 2015)

Dalam konteks kajian ini mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu mata pelajaran yang dapat membangkitkan rasa cinta para pelajar terhadap nilai-nilai warisan kraf tradisional melayu di samping membentuk jati diri mereka.

Dalam kajian ini juga, mata pelajaran Pendidikan Seni Visual merupakan mata pelajaran yang akan diajar dengan menggunakan dua pendekatan pembelajaran yang berbeza iaitu pendekatan pembelajaran secara tradisional dan pendekatan pembelajaran secara FC. Kajian ini hanya melibatkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual tingkatan 4 sahaja dan hanya merangkumi dua topik pembelajaran sahaja iaitu topik kraf ukiran dan kraf tembikar.

Secara umumnya, Pendidikan Seni Visual tingkatan 4 mempunyai tiga jenis kertas berbeza iaitu kertas teori, kertas amali dan kerja kursus. Dalam konteks kajian ini hanya kertas teori Pendidikan Seni Visual tingkatan 4 sahaja yang akan diberi penekanan oleh pengkaji.

1.12 Kesimpulan

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, salah satu tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menjawab segala persoalan yang dibangkitkan. Pendekatan pembelajaran yang sesuai dapat mempengaruhi tahap penguasaan isi pelajaran dalam

kalangan pelajar. Pendekatan pembelajaran yang sesuai juga perlu dalam memastikan pencapaian, motivasi dan minat pelajar dalam menguasai setiap isi pelajaran sentiasa meningkat.

Justeru, di dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan berberapa masalah yang memerlukan kajian ini dilaksanakan. Masalah utama adalah kerana pencapaian yang kurang cemerlang dalam mata pelajaran PSV di peringkat daerah. Salah satu punca yang menyumbang kepada terjadinya situasi tersebut adalah disebabkan oleh pendekatan pembelajaran yang aplikasi oleh guru.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji masih ada segelintir guru yang masih menggunakan pendekatan tradisional seperti kaedah kuliah dan *chalk and talk* dalam setiap waktu PdPc. Selain itu juga pendekatan guru yang masih berpusatkan guru dan sering disampaikan secara syarahan atapun kuliah turut memberi impak yang besar terhadap pencapaian pelajar.

Mata pelajaran PSV merupakan mata pelajaran elektif di peringkat SPM. Maksudnya pelajar tidak diwajibkan mengambil mata pelajaran tersebut tetapi bergantung kepada mereka sama ada ingin mengambilnya atau tidak. Berikutan itu pengkaji melihat minat pelajar terhadap mata pelajaran ini semakin berkurangan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat hanya beberapa buah sekolah sahaja yang menawarkan mata pelajaran PSV lebih daripada dua buah kelas. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Salah satunya disebabkan oleh kurangnya minat pelajar untuk mengambil mata pelajaran PSV tersebut.

Faktor minat dan motivasi menjadi faktor penting dalam memastikan para pelajar kekal cemerlang dalam apa jua mata pelajaran yang diambil. Masalahnya wujud apabila ada segelintir guru mata pelajaran PSV yang masih menggunakan

pendekatan tradisional sehingga pelajar menjadi bosan seterusnya tidak berminat untuk terus berada di dalam kelas tersebut.

Pendekatan tradisional seperti pembelajaran secara syarahan dan kuliah sering digunakan oleh segelintir guru-guru PSV tingkatan 4. Selain itu juga semasa pelajar tersebut berada di tingkatan 4, pendekatan guru hanya berpusatkan guru dan tiada aktiviti-aktiviti menarik dijalankan. Kesannya, pelajar menjadi bosan dan situasi yang menyumbang kepada keadaan bosan pelajar tersebut akan sentiasa melekat sehingga mereka masuk ke tingkatan 5.

Justeru dalam konteks kajian ini, pengkaji merasakan pentingnya kajian ini dilakukan bagi memastikan pendekatan pembelajaran yang diaplikasi oleh guru dapat menarik minat pelajar seterusnya dapat meningkatkan tahap motivasi mereka. Selain itu juga yang paling penting pencapaian pelajar tersebut dalam menguasai setiap isi pelajaran PSV akan terus meningkat.